



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : AMALAN IKHTISAS**  
**KOD KURSUS : DSB2123**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian:

BAHAGIAN A (25 Markah)
BAHAGIAN B (45 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 5 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---



**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan. Sila jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Senaraikan **lima (5)** elemen susun atur di tapak bina.

**[5 MARKAH]****SOALAN 2**

Senaraikan **lima (5)** fasa aktiviti reka bentuk bagi sesuatu projek.

**[5 MARKAH]****SOALAN 3**

Senaraikan **lima (5)** kerja yang dilakukan oleh Subkontraktor Dinamakan.

**[5 MARKAH]****SOALAN 4**

Secara umumnya, terdapat **lima (5)** peringkat proses pembangunan utama yang harus dilalui sebelum sesuatu cadangan pembangunan dapat dilaksanakan. Senaraikan **lima (5)** peringkat tersebut.

**[5 MARKAH]****SOALAN 5**

Terdapat beberapa butiran penting di dalam Dokumen Kontrak Binaan yang harus diambil berat oleh kontraktor apabila mendapat sesuatu projek binaan. Senaraikan **lima (5)** butiran dokumen tersebut.

**[5 MARKAH]****[25 MARKAH]**

**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Sila jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Senaraikan **tiga (3)** individu yang diklasifikasikan sebagai '*Principal Submitting Person (PSP)*'.

**[3 MARKAH]**

- b) Notis milikan kosong bermaksud penyerahan pemilikan kosong atau penyerahan kunci. Terangkan antara **tiga (3)** perkara yang perlu dibuat bagi mencapai fasa tersebut.

**[6 MARKAH]**

**SOALAN 2**

- a) Nyatakan antara **tiga (3)** jentera atau mesin yang perlu disediakan oleh Kontraktor Utama bagi memudahkan kerja buruh di tapak bina.

**[3 MARKAH]**

- b) Terangkan antara **tiga (3)** jenis Subkontraktor Domestik.

**[6 MARKAH]**

**SOALAN 3**

- a) Senaraikan **tiga (3)** kemahiran Kerani Tapak.

**[3 MARKAH]**

- b) Terangkan antara **tiga (3)** tugas Kerani Tapak.

**[6 MARKAH]**

**SOALAN 4**

- a) Senaraikan **tiga (3)** kerja yang perlu dilakukan oleh pihak Konsultan dalam Proses Pembayaran Kemajuan Kerja Tapak.

[3 MARKAH]

- b) Berikan definisi istilah-istilah berikut:

- i) Sijil Penyiapan Praktikal (*Certificate of Practical Completion-CPC*)
- ii) Tempoh Tanggung Kecacatan (*Defects Liability Period- DLP*)
- iii) '*Liquidated and Ascertained Damages*' (LAD)

[6 MARKAH]

**SOALAN 5**

- a) Senaraikan **tiga (3)** punca kemalangan di tapak bina.

[3 MARKAH]

- b) Terangkan **tiga (3)** kewajipan am pekerja bagi mengelakkan kemalangan di tapak bina

[6 MARKAH]

[45 MARKAH]

**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan. Sila jawab **SATU (1)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

- a) Bayaran kemajuan kerja adalah bayaran yang dibuat oleh pihak klien kepada pihak kontraktor untuk satu-satu peringkat pembinaan yang telah dilaksanakan serta disahkan sempurna oleh pihak konsultan. Sebagai seorang Kontraktor, apakah proses dalam menerima pembayaran kemajuan kerja bagi sesuatu projek?

**[10 MARKAH]**

- b) Sebagai seorang Arkitek yang ditugaskan untuk mengendalikan sesuatu projek, apakah tindakan yang akan anda lakukan sekiranya menghadapi pelbagai perubahan permintaan klien dari segi perubahan pintu kayu kepada pintu kaca dan permintaan untuk pertambahan satu ruang tidur?

**[20 MARKAH]**

**SOALAN 2**

- a) Penamatan Kerja Kontraktor bagi sesuatu projek pembinaan berlaku apabila terdapat beberapa faktor. Sebagai seorang Kontraktor, terangkan secara ringkas cara untuk mengelakkan Penamatan Kerja Kontraktor.

**[10 MARKAH]**

- b) Sijil Tamat Kerja adalah sijil yang dikeluarkan oleh pihak Arkitek kepada pihak kontraktor utama setelah Arkitek berpuas hati dengan kualiti kerja kontraktor dengan kadar kecacatan bangunan yang minimum. Sebagai seorang Arkitek bagi sebuah projek,uraikan proses yang akan dilalui bagi mencapai status Penyerahan Sijil Tamat Kerja.

**[20 MARKAH]**

**[30 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**